

Cuaca hujan punca pencemaran sungai

KUALA LUMPUR 17 Nov. - Keadaan cuaca tidak menentu seperti hujan lebat hampir setiap hari antara punca berlakunya pencemaran dua sungai utama iaitu Sungai Gombak dan Sungai Klang.

Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Adnan Md. Ikshan berkata, bagaimanapun usaha pembersihan giat dilaksanakan kontraktor dilantik dalam tempoh tujuh kali seminggu bagi sungai di bawah projek Sungai Nadi Kehidupan atau RoL manakala tiga kali seminggu bagi sungai-sungai lain di sekitar ibu negara.

Menurutnya, secara keseluruhan, projek berkenaan kini mencapai tahap 62.2 peratus melibatkan sebanyak 84 pakej.

"Daripada jumlah itu sebanyak 35 pakej telah siap sepenuhnya manakala 49 pakej lagi masih di peringkat pelaksanaan dan dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2020.

"Masalah sungai tercemar dikenal pasti berpunca daripada pembuangan sampah sarap merata-rata di jalan raya mahupun di longkang-longkang.



ADNAN MD. IKSHAN

MAKLUM BALAS

"Apabila hujan lebat, sampah sarap ini akan dibawa ke dalam sungai sehingga menjadikan sungai kita kembali tercemar dan kotor terutama di bahagian-bahagian yang mempunyai batu dan sebagainya," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini.

Beliau mengulas berhubung dua sungai utama di ibu negara iaitu Sungai Klang dan Sungai Gombak yang terlibat dalam projek RoL kotor dan dipenuhi sampah sarap.

Dalam pada itu, Adnan berkata, kementerianya optimis dan yakin bahawa projek itu dijangka siap mengikut jadual.

"Dengan kerjasama yang baik dan berkesan melibatkan sebanyak 29 agensi dan jabatan kerajaan serta empat kementerian ini, saya yakin projek ini dapat direalisasikan.

"Saya berharap semua pihak terutama warga kota sama-sama menjaga dan memulihara alam sekitar dan sungai kita," ujarnya.



Oleh **ZULFADLI SHARIFUDIN, FAUZI SUHAIMI dan AMIRUL AIMAN ANUAR**
kota@utusangroup.com.my

MUKADIMAH

IMEJ Sungai Klang dan Sungai Gombak yang menyelusuri di tengah-tengah Kuala Lumpur yang sebelum ini lesu dan tidak dihargai bakal berubah wajah.

Ini selepas projek Sungai Nadi Kehidupan atau River of Life (RoL) melibatkan usaha pemulihan, pemuliharaan dan pengindahan sungai siap pada tahun 2020.

Skuad Terjah minggu ini meninjau projek berkenaan bagi mendapatkan status terkini termasuk usaha pembersihan sungai berkenaan.

Ini berikutan masalah pencemaran dan kekotoran dua sungai utama di ibu negara itu terus berlaku dan semakin teruk.

Air sungai keruh tetap berubah warna seperti kopi susu setiap kali selepas hujan, selain sampah sarap terus menghiasi di sepanjang sungai.

■ **KUALA LUMPUR 17 NOV.**

ISU Sungai Klang dan Sungai Gombak yang kotor, busuk dan ibarat kopi susu terus menjadi topik bualan warga kota. Kedua-dua sungai berkenaan dilihat tidak lain daripada sebuah longkang besar, tiada sebarang pemandangan menarik disajikan selain sampah sarap memenuhi permukaan sungai yang mengalir lesu.

Status projek Sungai Nadi Kehidupan atau River of Life (RoL) bertujuan mengubah wajah ke-

dua-dua sungai utama di ibu negara itu yang merupakan sebahagian daripada Projek Greater Kuala Lumpur terus menjadi tanda tanya banyak pihak.

Ini kerana projek yang turut meliputi kerja-kerja pembersihan sungai itu ibarat 'indah khabar dari rupa'.

Tinjauan Skuad Terjah di beberapa lokasi yang terlibat dalam projek RoL terutama dari koridor Sungai Gombak di Titiwangsa, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Sime Darby, Dang Wangi, Raja Laut, Masjid Jamek, stesen kereta api, Brickfields, Kuala Lumpur Sentral dan Seputeh mendapati sungai terus dice-


mari sisa buangan.

Ini termasuk lambakan polisterina dan beg plastik yang hanyutkan arus Sungai Klang dan Sungai Gombak.

Lebih mengecewakan dalam beberapa siri tinjauan selepas hujan di ibu negara turut mendapati kawasan-kawasan utama yang dipasang perangkap sampah seolah-olah tidak diselenggara.

Ini termasuk di bawah jambatan Sistem Transit Aliran Ringan (LRT) di Stesen Masjid Jamek.

Diharapkan projek RoL bukan sahaja mampu mengubah persekitaran wajah Kuala Lumpur, tetapi juga meningkatkan tahap kualiti air sungai.



Ini kerana projek yang turut meliputi kerja-kerja pembersihan sungai itu ibarat 'indah khabar dari rupa'.



KERJA-KERJA pengindahan sungai giat dijalankan berhampiran Masjid Jamek, Kuala Lumpur.

SEMUA pihak bertanggungjawab menjaga kebersihan kedua-dua sungai utama di ibu negara.